

# Aplikasi komunikasi kerajaan, pekerja bakal diperkenal


Platform aduan secara terus elak penindasan dijangka dilancar 11 Januari ini

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan memperkenalkan satu aplikasi baharu yang bakal berfungsi sebagai platform komunikasi dua hala antara kerajaan dengan pekerja tempatan dan asing.

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan, berkata aplikasi dijangka dilancar pada 11 Januari ini akan memberi peluang pekerja memaklumkan secara terus kepada kerajaan mengenai sebarang pengabaian kebajikan oleh majikan terhadap mereka.

"Pekerja tidak mempunyai akses langsung kepada kerajaan (untuk membuat aduan) dengan adanya aplikasi baharu ini, (contohnya) apabila majikan tidak menyediakan tempat tinggal selesa mengikut Akta 446 atau tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) kesihatan, pekerja boleh berhubung dengan kerajaan dan identiti (pekerja) akan dirahsiakan.

"Kami akan berhubung secara

 Kami akan berhubung secara langsung dengan pekerja, tidak kira sama ada mereka pekerja tempatan ataupun pekerja asing. Aplikasi ini adalah platform aduan dan maklumat diberikan akan membantu mempercepat tindakan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sekiranya berlaku penindasan.

**M Saravanan,**  
Menteri Sumber Manusia

langsung dengan pekerja, tidak kira sama ada mereka pekerja tempatan ataupun pekerja asing. Aplikasi ini adalah platform aduan dan maklumat diberikan akan membantu mempercepat tindakan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sekiranya berlaku penindasan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampai-

kan cek pinjaman pendidikan Maju Institute of Educational Development (MIED) 2020 kepada 301 penerima di sini, semalam.

Saravanan berkata, aplikasi dalam pelbagai bahasa itu bertujuan membantu pekerja tempatan dan asing menyalurkan maklumat terus kepada pihak kerajaan.

Beliau turut mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang ingkar dalam isu menjaga kebajikan pekerja mereka.

"Pada masa sama, KSM mahu majikan lebih bertanggungjawab terhadap kebajikan pekerja mereka. Imej negara kita kurang baik khususnya pada peringkat antarabangsa (Pertubuhan Buruh Antarabangsa) (ILO) dari segi kita jaga pekerja," katanya.

Berhubung laporan media mengenai sebuah kilang di Klang didakwa memindahkan pekerja ke hotel sebelum serbuan dilakukan, Saravanan berkata, pihaknya mempunyai bukti kukuh mengenai kilang terbabit.

"Walaupun (ada) bukti cukup kukuh bahawa tempat tidak sesuai untuk pekerja, sebelum kita sampai, pekerja 'dilarikan' ke tempat lain. Penipuan bukan jalan penyelesaian dan majikan jangan ambil kesempatan cari laluan mudah," katanya.

BERNAMA